



Journal of Nusantara Studies (JONUS)

PELARIAN VIETNAM: SATU ISU GLOBAL DALAM SEJARAH HUBUNGAN LUAR MALAYSIA

*[VIETNAMESE REFUGEES: A GLOBAL ISSUE IN THE HISTORY OF
MALAYSIA FOREIGN AFFAIRS]*

*¹Syahrul Alim Baharuddin & ²Azlizan Mat Enh

¹Faculty of Computer, Media & Technology Management, TATI University Collage (TATIUC), Teluk Kalong, 24100 Kemaman, Terengganu, Malaysia.

²Pusat Penyelidikan Sejarah Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43650 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: syahrul@tatiuc.edu.my

Received: 16 June 2017, Accepted: 21 March 2018

ABSTRAK

Kertas kerja ini bermatlamat memahami isu pelarian Vietnam yang pernah melanda Malaysia dan menjadi isu global bermula dari tahun 1975 hingga 1991. Tumpuan utama penganalisaan dan penelitian diberikan terhadap faktor yang membawa kepada berlakunya masalah pelarian Vietnam serta hubungan yang terjalin antara Malaysia dan Vietnam sehingga mendorong Malaysia membantu menyelesaikan masalah pelarian Vietnam. Bagi menghuraikan persoalan ini, pendekatan analisis digunakan dengan merujuk kepada sumber primer iaitu laporan daripada United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), rekod-rekod rasmi Malaysia seperti Penyata Rasmi Parlimen dan Laporan Majlis Penyerahan Balik Pulau Bidong kepada Kerajaan Terengganu selain sumber sekunder iaitu kajian para sarjana mengenai negara Vietnam. Kajian ini menyimpulkan bahawa isu pelarian Vietnam berlaku disebabkan oleh faktor dalam negara itu sendiri yang mempengaruhi rakyat untuk lari ke negara jirannya di rantau ini. Faktor politik, ekonomi dan sosial saling berkait antara satu sama lain yang mengganggu kestabilan dan keamanan di negara itu. Sehubungan itu, kehadiran pelarian di Malaysia adalah isu yang serius kerana ia menyumbang kepada masalah kedaulatan dan keselamatan Malaysia.

Kata kunci: Pelarian, Vietnam, Malaysia, isu global, faktor, sejarah.

ABSTRACT

This paper aims to provide insights into the issue related to Vietnamese refugees in Malaysia which became a global issue from 1975 to 1991. The study addresses major factors that contribute to the problem, and diplomatic relation between Malaysia and Vietnam that influences Malaysian government

to assist in resolving the issue of Vietnamese refugees. Data were generated through the analysis of documents obtained from primer sources including reports from United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), official records from Malaysian government such as Official Statement of Parliament, and Report of Bidong Island Submission Ceremony to Terengganu Government as well as secondary sources (i.e. scholars' studies on Vietnam). The findings suggest that the Vietnamese refugees issue occurred due to domestic factors that prompt the Vietnamese to flee to neighbouring countries in the region. In particular, political, economy and social factors are inter-related in disrupting the stability and peace of the country. The presence of refugees in Malaysia is a serious matter as it challenges sovereignty and national security of Malaysia.

Keywords: Refugees, Vietnam, Malaysia, global issue, factor, history.

Cite as: Baharuddin, S.A & Mat Enh, A. (2018). Pelarian Vietnam: Satu isu global dalam sejarah hubungan luar Malaysia [Vietnamese refugees: A global issue in the history of Malaysia foreign affairs]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 1-18. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp1-18>

1.0 PENGENALAN

Kejatuhan Kerajaan Demokratik Vietnam Selatan ke tangan Kerajaan Komunis Vietnam Utara yang berpusat di Hanoi pada bulan April 1975 mendarangkan impak besar dalam percaturan politik negara itu. Ketidakstabilan ekonomi, sosial dan politik di peringkat awal pembinaan semula negara itu menimbulkan ketidaksenangan kebanyakannya rakyatnya untuk terus berada di Vietnam. Sebagai langkah untuk keluar daripada kemelut itu, kebanyakannya rakyatnya mencuba nasib di negara serantau. Rakyatnya telah mendarat di perairan negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand termasuk Malaysia. Keadaan ini telah mencetuskan isu pelarian Vietnam di negara-negara itu. Isu pelarian Vietnam bukan sahaja menjadi isu serantau bagi negara-negara di rantau Asia Tenggara tetapi dunia pada tempoh tersebut.

Jangka masa antara 1970-1991, pelarian Vietnam yang dikenali sebagai orang hanyut ('boat people') merupakan satu isu yang membimbangkan kerajaan Malaysia kerana jumlah pelarian Vietnam yang mendarat di perairan Malaysia mencecah ratusan ribu orang (Buku Laporan, 1991). Oleh itu kertas kerja ini ditulis bagi mengupas dan membicangkan tentang isu pelarian Vietnam yang menjadi isu global dan telah mengancam kadaulatan Malaysia. Justeru, penting bagi penulisan ini untuk meneliti isu pelarian yang menjadi isu global, mengkaji faktor yang melatarbelakangi berlakunya isu pelarian Vietnam dan pendirian Malaysia terhadap isu tersebut.

2.0 PELARIAN SEBAGAI ISU GLOBAL

Pelarian merupakan satu isu global yang perlu di tangani dengan baik dan berkesan bagi mengelakkan daripada berlakunya penafian terhadap hak-hak pelarian dan rakyat negara yang menjadi destinasi pelarian. Isu pelarian bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, malahan ia juga dihadapi oleh banyak negara di dunia disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perperangan, bencana alam, keganasan dan sebagainya. Menurut Alan Vernon, Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) di Malaysia, terdapat kira-kira 50 juta pelarian di seluruh dunia (Mohd Arif, 2010). Mereka yang berdaftar dengan UNHCR akan diberi kad UNHCR sebagai tanda pengenalan diri. Pelarian yang telah mendaftarkan diri dan memohon perlindungan di 44 buah negara di Eropah, Amerika Syarikat, Canada, Australia, New Zealand, Japan dan Korea Selatan pada tahun 2008 adalah sebanyak 377,130 (UNHCR, 2011). Ini

membuktikan bahawa isu pelarian bukan hanya dihadapi oleh Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara sahaja, malahan melibatkan negara-negara lain di dunia.

Malaysia telah mula menerima limpahan pelarian sejak 1975 dan sehingga penghujung Februari 2011, masih terdapat sekitar 92,700 orang pelarian di Malaysia dan mereka yang ingin mendapatkan suaka politik berdaftar dengan pejabat UNHCR. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh UNHCR, seramai 252, 390 orang pelarian Vietnam pernah berada di Malaysia. Menjelang akhir Februari 2011, laporan menunjukkan bahawa masih terdapat 85,300 dari Myanmar terdiri daripada kira-kira 36,600 suku kaum China, 20,100 Rohingya, 9,000 orang Muslim Myanmar, 3,900 Mon, 3,500 Kachin dan selebihnya minoriti etnik lain dari Myanmar. Seramai 7,400 pelarian dan mereka yang mencari suaka politik lain ialah dari negara seperti Sri Lanka (4,000 pelarian), Somali (1,050), Iraq (710) Afghanistan (510) dan Palestin (200). Dari segi jantina, 70 peratus pelarian dan mereka yang mencari suaka politik ialah lelaki sementara 30 peratus perempuan. Seramai 18,700 adalah terdiri daripada kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun. Terdapat juga pelarian dan pencari suaka politik yang tidak berdaftar dan jumlah mereka dianggarkan sekitar 10,000 orang (UNHCR in Malaysia, 2011).

Melihat kepada statistik ini, kita dapat mengetahui situasi sebenar pelarian di Malaysia dan pengaruhnya terhadap Malaysia. Ia juga bukanlah isu domistik semata-mata, malahan merupakan isu global yang perlu ditangani bersama oleh negara-negara yang terlibat. Maka penting untuk kita memahami latar belakang dan definisi sebenar pelarian. Mengetahui sejarah, definisi dan undang-undang berhubung pelarian membolahkan kita memahami dengan tepat dan mendalam tentang status pelarian, siapakah yang dianggap sebagai pelarian, hak-hak mereka dan faktor-faktor yang menjadikan mereka sebagai pelarian.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh para sarjana Barat mahupun tempatan, didapati istilah yang paling sesuai untuk merujuk kepada golongan pendatang Vietnam masih kurang jelas. Golongan ini disebut dalam pelbagai istilah seperti ‘pelarian’, ‘refugee’ ‘economic migrant’, ‘asylum seekers’ ‘safe heaven seekers’, ‘displaced persons’ dan juga ‘pendatang haram’. Namun, istilah-istilah yang digunakan itu secara asasnya merujuk kepada pelarian. Menurut Jacques Vernant, *‘to define the term “refugee” presents a few special difficulties. It is in fact impossible to give one single definition which would be used in all circumstances’* (Tsamenvi, 1980). Secara umum, pelarian bermaksud orang yang melarikan diri ke negara lain disebabkan revolusi yang terjadi di negara mereka atau diserang musuh. Dalam bahasa Inggeris pelarian disebut ‘refugee’. Menurut Kamus Oxford Compact Advanced Learner’s, ‘refugee’ bermaksud ‘*person who has been forced to leave his country, home, etc and seek refuge, esp from political or religious persecution*’ (Hornby, 2000).

Bagi mendapatkan definisi ‘pelarian’ (*refugee*) yang sesuai dari segi undang-undang, ia menuntut satu perbincangan yang luas ruang lingkupnya. Di sini, dapat dijelaskan bahawa definisi pelarian dalam undang-undang antarabangsa bergantung kepada tujuan tertentu. Sejarah menunjukkan bahawa sudah terdapat undang-undang yang membicarakan tentang pelarian ini sejak perjanjian sebelum Perang Dunia Ke-II lagi. Misalnya, Perjanjian Belgo-French tahun 1834 dan Perjanjian Monterideo tahun 1939. Kesan daripada Perang Dunia Ke-II, Deklarasi Antarabangsa Tentang Hak Asasi Manusia tahun 1948 dan Konvensyen PBB tahun 1950 tentang hak dan perlindungan pelarian Eropah pula terbentuk.

Bagaimanapun, ciri-ciri yang menjelaskan maksud pelarian merujuk situasi-situasi ‘*ad-hoc*’ dan tidak memberi suatu definisi ‘pelarian’ yang tepat dan lengkap. Sejarah menunjukkan

bahawa selepas tamatnya Perang Dunia Ke-II, *The Constitution of the International Refugee Organization* pada tahun 1946 telah mengambil langkah dalam mencari definisi yang paling sesuai dan tepat. Dalam hal ini, penganiayaan diletakkan sebagai suatu unsur utama dalam istilah tersebut. Bagaimanapun, ia diperbahaskan oleh UNHCR pada tahun 1950. UNHCR telah mengembangkan definisi ‘pelarian’ bagi tujuan perlindungan.

Rentetan daripada itu, definisi ‘refugee’ telah disusun semula ketika diadakan satu konvensyen di bawah kuasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ruang lingkup definisi ini mengalami penambahan dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan dunia. Dalam Konvensyen tersebut, beberapa perkara telah ditetapkan yang berkaitan langsung dengan pelarian seperti definisi pelarian, tindakan melarang penghantaran balik, status undang-undang yang sah berkenaan surat-surat pengenalan serta dokumen-dokumen perjalanan. Bagaimanapun, perubahan yang dilakukan oleh UNHCR semasa konvensyen tersebut hanya mengambil kira kejadian-kejadian yang terjadi sebelum 1 Januari 1951 (Tsamenyi, 1980). Berikut adalah definisi ‘refugee’ yang ditetapkan oleh UNHCR. Menurut Perenggan 6A (2) Konvensyen 1951 (UNHCR, 2005) mendefinisikan ‘refugee’ sebagai:

As a result of events occurring before 1 January 1951 and owing to well-founded fear of being persecuted for reasons of race, religion, nationality, membership of a particular social group or political opinion, is outside the country of his [or her] nationality and is unable, or owing to such fear, is unwilling to avail him [or her]self of the protection of that country; or who, not having a nationality and being outside the country of his [or her] former habitual residence as a result of such events, is unable or, owing to such fear, is unwilling to return to it.

Perenggan 6B:

Any other person who is outside the country of his [or her] nationality or, if he [or she] has no nationality, the country of his [or her] former habitual residence, because he [or she] has or had well-founded fear of persecution by reason of his [or her] race, religion, nationality or political opinion and is unable or, because of such fear, is unwilling to avail him [or her]self of the protection of the government of the country of his [or her] nationality, or, if he [or she] has no nationality, to return to the country of his [or her] former habitual residence.

Konvensyen itu juga menetapkan bahawa seseorang yang diistilahkan dalam Artikel A termasuklah:

- (1) *He has voluntarily re-availed himself of the protection of the country of his nationality; or*
- (2) *Having lost his nationality, he has voluntarily reacquired it; or*
- (3) *He has acquired a new nationality, and enjoys the protection of the country of his new nationality; or*
- (4) *He has voluntarily re-established himself in the country which he left or outside which he remained owing to fear of persecution; or*
- (5) *He can no longer, because the circumstances in connection with which he has been recognized as a refugee have ceased to exist, continue to refuse to avail himself of the protection of the country of his nationality;*

- (6) *Provided that this paragraph shall not apply to a refugee falling under section A (I) of this article who is able to invoke compelling reason arising out of previous persecution for refusing to avail himself of the protection of the country of nationality;*
- (7) *Being a person who has no nationality he is, because the circumstances in connection with which he has been recognized as a refugee have ceased to exist, able to return to the country of his former habitual residence; Provided that this paragraph shall not apply to a refugee falling under section A (I) of his article who is able to invoke compelling reasons arising out of previous persecution for refusing to return to the country of his former habitual residence.*

Ruang lingkup definisi yang diberikan oleh konvensyen ini berdasarkan kejadian-kejadian yang berlaku di Eropah sahaja. Oleh kerana Konvensyen ini bersidang semasa di era Perang Dingin dan sebab-sebab politik yang lain telah mengakibatkan ianya tidak dapat diterima secara universal (Tsamenyi, 1980). Hanya 89 buah negara sahaja yang menganggotai Konvensyen 1951 ini. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang tidak menandatangani Konvensyen tersebut dan Protokol 1967. Oleh yang demikian, UNHCR merupakan badan penting dalam melindungi dan memelihara pelarian-pelarian di Malaysia (UNHCR in Malaysia, 2010).

Menyedari kelemahan-kelemahan Konvensyen tersebut, satu protokol berhubung yang berhubung dengan suatu pelarian telah ditubuhkan pada 31 Januari 1967. Protokol 1967 telah menghapuskan perbatasan-perbatasan masa dan ruang yang didapati dari Konvensyen terdahulu. Bagaimanapun protokol ini hanya mengambil kira kes-kes pelarian secara individu sahaja dan tidak praktik digunakan kepada mereka yang sampai di sebuah negara ‘boat loads’. Dengan yang demikian, konsep ‘International Bunden Sharing’ telah diperkenalkan. Di sini, definisi ‘refugee’ telah dikembangkan meliputi pelarian yang wujud selepas tahun 1951 jika dikaji proses evolusi perkembangan undang-undang pelarian antarabangsa.

Definisi pelarian yang ditetapkan ketika Konvensyen 1951 ditambah lagi ketika The 1969 OAU Convention sebagaimana dalam Artikel I (2) (UNHCR, 2005):

Every person who, owing to a well-founded fear of being persecuted for reasons of race, religion, nationality, membership of a particular social group or political opinion, is outside the country of his nationality and is unable or, owing to such fear, is unwilling to avail himself of the protection of that country, or who, not having a nationality and being outside the country of his former habitual residence as a result of such events is unable or, owing to such fear, is unwilling to return to it,

... every person who, owing to external aggression, occupation, foreign domination or events seriously disturbing public order in either part or the whole of his [or her] country of origin or nationality, is compelled to leave his [or her] place of habitual residence in order to seek refuge in another place outside his [or her] country of origin or nationality.

Definisi di atas adalah hasil susunan semula berikutan pengalaman perang liberalisasi dan dekolonialisasi yang berlaku di Benua Afrika semasa penghujung tahun 1950an dan awal tahun 1960an. Dalam Artikel I (4) dan (5), Konvensyen The Organisation of African Unity, 1969

(OAU) juga mengandungi hal berkaitan genjatan senjata dan peruntukkan larangan yang berbeza dalam banyak aspek daripada yang ditetapkan ketika Konvesyen 1951.

Berikutnya, pada penghujung tahun 1970an dan awal tahun 1980an, berlakunya masalah berhubung pergerakan kemanusiaan dan perpindahan penduduk akibat perang, konflik sivil, keganasan dan pergolakan politik negara yang meningkat terutama sekali di Amerika Tengah mencadangkan sebagaimana dalam Artikel III (3), Deklarasi Cartagena tentang Pelarian, 1984 (UNHCR, 2005) bahawa:

[...] the refugee definition or concept of a refugee to be recommended for use in the region is one which, in addition to containing the elements of the 1951 Convention and the 1967 Protocol, includes among refugees persons who have fled their country because their lives, safety or freedom have been threatened by generalized violence, foreign aggression, internal conflicts, massive violation of human rights or other circumstances which have seriously disturbed public order.

Walaupun begitu, definisi ‘refugee’ yang dikeluarkan oleh Deklarasi Cartagena tidaklah ditetapkan secara rasmi. Kebanyakan negara Amerika Latin tidak menggabungkan prinsip tersebut termasuklah definisi ‘refugee’ di dalam perundangan negara serta tidak melaksanakannya dalam pentadbiran negara. Perbincangan di atas berkenaan definisi pelarian adalah satu gambaran mengenai status pelarian yang diamalkan oleh negara-negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam konteks Malaysia, ketika negara ini menghadapi kedatangan pelarian Vietnam, Malaysia tidak menggunakan status pelarian tersebut. Ini disebabkan Malaysia tidak menandatangani perjanjian-perjanjian 1951 dan 1967. Hanya negara-negara yang menandatangani kedua-dua perjanjian di atas adalah bertanggungjawab mematuhi isi kandungan perjanjian tersebut dan menyediakan perlindungan-perlindungan sementara dan juga penempatan tetap di negara yang menerima pendaratan pelarian. Pada tahun 1978, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Malaysia di Geneva yang menegaskan pendirian Malaysia yang akan menawarkan tempat perlindungan sementara kepada pelarian-pelarian yang mendarat di Malaysia.

Isu pelarian Vietnam hangat dibahaskan dalam Parlimen Malaysia menjelang tahun 1970an. Perkara yang dibahaskan adalah berhubung perbezaan di antara pelarian Vietnam dengan pendatang tanpa izin dari Indonesia dan negara-negara lainnya. Perbezaan di antara pelarian dan pendatang tanpa izin ialah pelarian itu datang ketika negara mereka di dalam keadaan perang atau di dalam satu keadaan yang telah mendapat perhatian antarabangsa di mana apa-apa tindakan terhadap golongan ini melibatkan perbincangan terutamanya Suruhanjaya Tinggi Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu. Manakala pendatang tanpa izin itu menyusup masuk begitu sahaja bukan disebabkan ada sesuatu peperangan atau sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Pelarian dilihat sebagai individu yang bukanlah sesuka hati masuk ke negara lain. Sehubungan itu, mereka ditempatkan di kem dan tidak dibenarkan bebas keluar. Mereka tertakluk di bawah undang-undang pelarian. Dalam Akta Imigresen Malaysia, seseorang dari negara luar yang memasuki sebuah negara lain tanpa dokumen rasmi seperti pasport, visa dan lain-lain adalah diistilahkan sebagai pendatang tanpa izin atau haram.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, ia menunjukkan bahawa isu pelarian merupakan satu isu yang serius di peringkat antarabangsa sehingga terpaksa mendefinisikan semula perkataan ‘refugee’. Hal ini penting bagi menjamin hak asasi manusia dan memelihara keamanan serta

kestabilan negara yang menjadi destinasi pelarian. Ia juga penting bagi memastikan tidak ada pihak yang teraniaya atau tertindas. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat cuba untuk mempertahankan kedaulatan negaranya, namun dalam masa yang sama rasa perikemanusiaan dan hak asasi manusia tetap diberi keutamaan.

3.0 PERLINDUNGAN ANTARABANGSA

Individu yang telah dikenalpasti statusnya sebagai pelarian akan dilindungi oleh badan dunia PBB di bawah UNHCR sebagaimana termaktub dalam prinsip pertubuhan itu bagi menjamin hak asasi manusia. Dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, hak asasi manusia adalah salah satu dasar utama PBB (Charter of the United Nations). Mukadimah Piagam (Resolution 217 A of 10 December 1948) menyebut bahawa:

We the peoples of the United Nations [are] determined... to reaffirm faith in fundamental human rights, in the dignity and worth of the human person, in the equal rights of men and women and of nations large and small....

Sebagai seorang warganegara, ia boleh merujuk dan bergantung serta mendapat jaminan perlindungan daripada negara atau kerajaan mereka sendiri untuk melindungi hak asasi serta keselamatan fizikal mereka. Dalam isu pelarian, negara asal pelarian mendapat bahawa ia tidak berkemampuan untuk melindungi hak-hak asasi tersebut. Pelarian mempunyai hak untuk berlindung di tempat perlindungan yang selamat. Walau bagaimanapun, kemudahan perlindungan dari pihak antarabangsa memberikan kemudahan lebih daripada keselamatan fizikal pelarian. Pelarian sepatutnya menerima sekurang-kurangnya hak yang sama dan pertolongan asas sepertimana pelancang asing yang menetap secara sah di sesebuah negara, merangkumi hak-hak asas yang ada pada setiap individu.

Oleh sebab itu, pelarian mempunyai hak warganegara yang sama seperti penduduk di sesebuah negara, merangkumi kebebasan fahaman dan kebebasan daripada penganiayaan dan penindasan. Hak-hak ekonomi dan sosial juga dirasai bersama oleh pelarian seperti individu lain. Setiap pelarian berhak untuk mendapat rawatan perubatan yang sempurna. Manakala setiap pelarian yang telah cukup umur mempunyai hak untuk bekerja dan sepatutnya tidak ada kanak-kanak pelarian yang dihalang daripada pergi ke sekolah.

Dalam konteks isu pelarian Vietnam, mereka ini mendapat hak yang sepatutnya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh PBB. Negara yang menerima pelarian Vietnam telah mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh PBB dalam melindungi dan memelihara kebijakan dan hak asasi pelarian itu. Buktinya, pelarian-pelarian Vietnam yang mendarat di perairan Malaysia mendapat hak yang hampir sama seperti warganegara Malaysia yang lain. Selain itu, negara ketiga yang menerima dan memberi perlindungan politik kepada mereka juga telah membuka ruang seluas-luasnya untuk pelarian-pelarian Vietnam ini meneruskan kehidupan mereka dengan aman sebagaimana sebagaimana garis panduan yang telah ditetapkan oleh PBB.

4.0 LATAR BELAKANG PELARIAN VIETNAM

Sejak selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, Indochina merupakan wilayah yang paling tidak stabil. Keadaan ini disebabkan Perancis masih menganggap Indochina adalah jajahan takluknya. Hal ini membawa kepada gerakan penentangan oleh para nasionalis. Berikutnya keganasan dan ketidakstabilan yang tidak terkawal membawa kepada berlakunya masalah pelarian dalam kalangan rakyat Indochina. Thailand telah menerima pelarian Vietnam dan

Laos lebih awal lagi berbanding negara-negara Asia Tenggara lain iaitu dalam tahun-tahun 1940an dan 1950an.

Pelarian ketika itu merupakan penyokong pejuang kemerdekaan yang ingin menghalau penjajahan Perancis. Pada masa itu, Thailand menyokong perjuangan kemerdekaan negara itu agar bebas daripada imperialisme Perancis tetapi kedatangan pelarian yang mendarat di Thailand tidak dialu-alukan. Majoriti pelarian ketika itu terdiri daripada etnik Vietnam dari Kemboja, Laos dan Vietnam, anggota Viet Minh (Parti Komunis Vietnam) atau Lao Issara (Free Laotians). Kerajaan Vietnam pada masa itu tidak mempedulikan tentang imigran yang terdiri daripada mereka yang pro-komunis yang mendarat di wilayah sempadan. Namun, mereka yang terdiri daripada pejuang kemerdekaan yang mendarat di sempadan Thailand ditawarkan kewarganegaraan oleh kerajaan Thailand. Kesannya, ramai dalam kalangan pelarian ini menetap di Thailand (Davies, 2008).

Apabila meletusnya Perang Indochina I iaitu di antara Viet Minh dan Perancis, dasar Thailand terhadap pelarian mulai berubah. Kerajaan Thailand lebih bersimpati dengan komunis berbanding masyarakat etnik Cina dan Vietnam. Thailand bimbang dengan jirannya iaitu komunis di China yang membantu Viet Minh yang berada di Thailand. Ini kerana mereka telah menerima bantuan ketenteraan untuk meneruskan perjuangan menentang Perancis. Hal ini menyebabkan Thailand bimbang pengaruh komunis berkembang di Thailand.

Sekatan telah dilakukan oleh Thailand terhadap pelarian yang mendarat di Thailand. Mereka hanya boleh tinggal dan bekerja di 13 kawasan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Thailand iaitu di sempadan bahagian timur dan utara Thailand. Pihak Viet Minh diarahkan menutup pejabatnya di Bangkok dan pada tahun 1950 Thailand secara rasmi mengiktiraf Kerajaan Bao Dai yang disokong oleh Perancis. Thailand juga bersetuju dengan permintaan Perancis untuk menghalang segala aktiviti Viet Minh di sempadan di antara Laos dengan Thailand. Perjalanan masyarakat Viet Minh dalam wilayah Thailand dihadkan dan perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri Thailand. Sekiranya ingin pergi ke wilayah lain, mereka hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada pihak tersebut. Menurut UNHCR, Thailand telah memberi perlindungan kepada kira-kira 40,000 orang pelarian sehingga perang tersebut tamat (Davies, 2008).

Meletusnya Perang Indochina II yang bermula pada tahun 1964, membawa kepada berlakunya gelombang kedua pelarian ke negara-negara Asia Tenggara selain Thailand termasuklah Malaysia. Perang Indochina II ini berlaku apabila Amerika Syarikat campur tangan membantu Vietnam Selatan menentang pemberontakkan gerila Viet Cong di Vietnam Selatan yang mendapat sokongan daripada tentera Vietnam Utara. Selanjutnya, Amerika Syarikat telah melancarkan serangan ke atas Vietnam Utara. Berlakulah serangan balas antara Vietnam Selatan yang dibelakangi Amerika syarikat dan Vietnam Utara yang dibelakangi Soviet Union (Davies, 2008). Berakhirnya Perang Vietnam II apabila Amerika Syarikat mengundur diri dari konflik di Vietnam dan membiarkan Vietnam Selatan bersendirian menentang Viet Cong dan Vietnam Utara. Vietnam Selatan akhirnya telah jatuh ke tangan komunis pada tahun 1973.

Keadaan ketidakstabilan di Vietnam menyaksikan gelombang kedua fenomena pelarian ke negara-negara Asia Tenggara. Bermula tahun 1975, masalah pelarian Vietnam mulai serius dan negara Indochina lain termasuk Laos dan Kemboja. Jangka masa ini menyaksikan pada 31 Julai 1979, kira-kira 184,000- 200,000 orang Indochina telah pun meninggalkan negara asal masing-masing. Menurut UNCHR dianggarkan jumlah pelarian kira-kira 9,000 orang Kemboja, 32,

000 orang Laos dan 143, 0000 orang Vietnam (High Commissioner Report, A/AC.96/516/Add.1, 1975). Dilaporkan juga bahawa majoriti pelarian Kemboja dan Laos lari ke Thailand manakala kebanyakannya pelarian Vietnam dipindahkan dengan bantuan Amerika Syarikat dan diberi jaminan sementara di mana-mana pantai mereka mendarat terutamanya di Malaysia, Hong Kong, Jepun, Filipina, Republik Korea, Singapura dan Thailand (High Commissioner Report, A/AC.96/516/Add.1, 1975).

5.0 FAKTOR BERLAKUNYA PELARIAN VIETNAM

Berlakunya masalah pelarian dapat dikesan oleh beberapa faktor termasuklah penganiayaan yang terjadi ke atas individu, konflik ketenteraan, dan ketegangan masyarakat. Di sebalik fenomena ini, faktor politik, ekonomi, etnik, persekitaran dan tekanan hak kemanusiaan, juga menjadikan ia lebih rumit lagi di samping faktor-faktor tempatan dan faktor antarabangsa itu sendiri. Masalah pelarian pada sekitar tahun 1990 adalah agak sukar untuk di perkatakan. Ia bergantung kepada keadaan kehidupan pelarian tersebut. Namun begitu jika masalah pelarian ini tidak diselesaikan, ia akan menganggu gugat masyarakat setempat.

Berlakunya masalah pelarian Vietnam ini adalah disebabkan faktor dalam negara itu sendiri. Kesan perperangan yang berlanjutan puluhan tahun telah mengheret Vietnam kekancahan kehancuran sistem kemasyarakatan dan sosial yang teruk. Hal ini dapat dikesan dengan melihat perkembangan negara Vietnam selepas tamatnya Perang Indochina II. Berikut adalah faktor yang menyebabkan berlakunya masalah pelarian Vietnam.

5.1 Faktor Politik

Faktor perbezaan fahaman politik boleh membawa kepada berlakunya penganiayaan ke atas manusia. Mereka yang takut dan bimbang dengan penganiayaan tersebut akan melarikan diri untuk mencari tempat yang lebih selamat. Mereka yang menjadi pelarian adalah kerana terdapatnya perbezaan dari segi bangsa, kewarganegaraan, ahli dalam kumpulan sosial dan kepercayaan mereka samada dari segi agama atau pandangan politik (UNHCR, 2005). Penganiayaan biasanya berlaku dalam konteks pertikaian tentang hak asasi politik ke atas pemerintah dalam negara, bagaimana negara itu ditadbir dan siapa yang memberi arahan berkaitan kuasa, keistimewaan, naungan dan faedah sampingan dalam negara tersebut. Penganiayaan ini hangat diperkatakan apabila berlaku zaman perubahan yang mendadak kerana berlaku perjuangan dalam sesebuah negara atau dalam mewujudkan negara baru.

Pada 2 Julai 1976, penyatuan kembali Vietnam Utara dan Vietnam Selatan telah membawa kepada terbentuknya *Socialist Republic of Vietnam*. Kini, Vietnam telah menjadi sebuah negara yang diperintah oleh Parti Komunis Vietnam dan menjadikan Hanoi sebagai pusat pemerintahan. Perkembangan baru ini telah menimbulkan ketidaktentuan dalam ekonomi, politik dan sosial masyarakatnya. Ini berlaku kerana pemerintahan rejim komunis terpaksa menggabungkan dua sistem politik dan ekonomi yang bertentangan iaitu komunis-sosialis dan demokrasi-kapitalis untuk mewujudkan sebuah negara Vietnam yang baru. Keadaan politik dan ekonomi Vietnam yang tidak stabil telah dinyatakan dalam laporan pihak CIA pada 3 Mac 1977 (FOIA, 1977). Rakyat Vietnam Selatan yang sudah terbiasa dengan sistem demokrasi-kapitalis menghadapi kesulitan untuk mengadaptasi sistem yang diperkenalkan oleh kerajaan komunis yang baru itu. Situasi ini menjadi semakin parah kerana Vietnam menghadapi banyak kerosakan dan kemusnahan yang teruk akibat perang.

Antara langkah awal yang diambil oleh rejim komunis ini ialah mengharamkan parti politik lain di Vietnam. Hanya parti gabungan dan parti yang diluluskan oleh Parti Komunis Vietnam sahaja boleh menyertai pilihan raya. Sistem pemerintahan ‘*Democratic Centralism*’ (Owen, 2005) yang telah diperkenalkan menjadi asas pentadbiran negara. Menurut Owen, ‘*In reality the party and the country were ruled by a tiny “standing committee” of the party central committee’s own smaller political bureau (or, in Leninist short-hand, “politburo”)*’. Memandangkan kuasa politik yang besar dimiliki oleh golongan ini menyebabkan mereka terdedah kepada sikap monopoli, rasuah dan nepotisme. Pengamalan pemasatan birokrasi dalam pentadbiran telah menyebabkan timbulnya golongan birokrat yang terlibat dengan gejala rasuah, pembaziran dari segi masa sumber dan tenaga (Khanh, 1977). Keadaan ini telah berlaku dengan meluas di Vietnam sehingga menyebabkan pemerintahan menjadi kurang efektif dan efisyen.

Tindakan telah diambil ke atas ratusan ribu pegawai kerajaan dan bekas tentera Vietnam Selatan. Mereka telah ditangkap dan ditahan di kem tahanan bertujuan untuk melakukan proses ‘pemulihan’ dan indoktrinasi (Hawthorne, 2007). Sebahagian kecilnya dilepaskan dalam tempoh yang singkat, namun ratusan ribu lagi ditahan di kem-kem yang dikawal dan terasing. Ia bertujuan untuk memastikan tiada penyebaran ideologi lain selain daripada ideologi komunis dan seterusnya memaksa tahanan menerima ideologi komunis. Ini menunjukkan bahawa wujudnya tekanan politik dan pemaksaan terhadap rakyat Vietnam terutamanya rakyat Vietnam Selatan agar menerima ideologi komunis sepenuhnya. Namun, tindakan ini tidak mampu untuk mengatasi sepenuhnya penentangan yang dilakukan oleh 1.1 juta orang tentera dan 500,000 orang polis (Meng, 1976).

Namun, bukanlah mudah bagi para pemimpin baru Vietnam ini untuk mewujudkan keamanan dan menstabilkan negara baru ini. Pada peringkat awal pentadbiran Vietnam di bawah rejim komunis, kerajaan menghadapi masalah rompakan, kecurian dan penjarahan yang berleluasa. Berlakunya masalah ini disebabkan banyak rumah-rumah, kedai-kedai dan bangunan-bangunan yang ditinggalkan kosong semasa perang sama ada pemiliknya lari atau mati ketika perang. Masalah kesempitan hidup, pengangguran dan kongsi gelap telah memburukkan lagi keadaan.

Selain itu, berlaku vandalisme dalam kalangan saki-baki pihak tentera Vietnam Selatan yang masih bersembunyi di wilayah Saigon. Mereka ini telah melakukan serangan dan sabotaj ke atas kemudahan dan insfranstruktur awam dengan tujuan menghuru-harakan keadaan. Pada bulan November 1975, seramai 500 orang tentera Saigon telah ditangkap dan didapati bertanggungjawab terhadap perbuatan terroris dan sabotaj di sekitar wilayah Saigon (Meng, 1976). Terdapat juga kumpulan agama yang melakukan sabotaj kerana tidak bersetuju dan menentang ideologi komunis. Situasi selepas perang ditambah pula dengan kegiatan sabotaj, telah menghuru-harakan lagi keadaan di Vietnam.

Kegiatan ini telah menimbulkan masalah keselamatan dan keamanan dalam negara Vietnam. Suasana tidak aman dan hilangnya kestabilan politik Vietnam menyebabkan rakyat mengambil langkah untuk berlindung di negara lain yang lebih selamat dan aman. Mereka lebih rela meredah lautan dan menggadai nyawa daripada terus berdiam diri menerima nasib yang menimpa mereka di negara sendiri. Pada masa yang sama negara-negara sekitar Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Hong Kong, Thailand dan Singapura merupakan negara yang aman dan stabil. Paling tidak, negara-negara ini mampu memberikan mereka sedikit harapan untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Keadaan ini mendorong rakyat Vietnam berhijrah ke negara lain sekitar rantau Asia Tenggara.

5.2 Faktor Ekonomi

Tekanan ekonomi adalah penyebab utama yang mewujudkan pelarian tetapi hubungannya adalah secara tidak langsung. Terlalu mudah untuk memperkatakan yang kemiskinan merupakan penyebab pelarian. Kemiskinan ini boleh wujud disebabkan perlucutan jawatan atau sudah tidak mahu bekerja dan ia berlaku disebabkan oleh kemerosotan ekonomi (UNHCR, 2005; Gordenker, 1987). Penganiayaan dalam pengagihan bekalan turut memainkan peranan utama terutama di zaman ekonomi merundum. Apa yang dapat dilakukan oleh pemimpin adalah menyalahkan pihak-pihak lain untuk mengelak dari dipersalahkan atas sebab kemerosotan negara mereka.

Keadaan di Vietnam dalam tahun-tahun selepas tamatnya perang, menunjukkan ekonomi Vietnam telah musnah. Keadaan di Vietnam Selatan menunjukkan telah mengalami kemelesetan ekonomi. Keadaan ini membawa kepada masalah inflasi (Meng, 1975). Industri tempatan banyak bergantung kepada material import. Ini kerana bahan-bahan tempatan tiada disebabkan kemasuhan aktiviti pertanian, penternakan dan sebagainya. Subsidi kerajaan ke atas harga beras memperlihatkan harga beras murah tetapi ia membebankan pihak kerajaan. Hingga pada satu tahap, kerajaan tidak mampu untuk memberikan subsidi tersebut.

Selepas setahun kejatuhan Vietnam Selatan, *Council of Minister* telah mengambil langkah menyusun semula sistem pertanian negara itu. Zon Ekonomi Baru (New Economic Zones-NEZs) telah dilancarkan ketiga Fourth Party Congress pada bulan April 1976. Ia bukanlah suatu satu idea baru tetapi telah pun dilaksanakan pada tahun 1961 lagi. Secara rasmi, NEZs merupakan satu rancangan perbandaran semula meliputi Utara-Selatan Vietnam. NEZs adalah elemen utama dalam rancangan Vietnam untuk membangunkan ekonominya. NEZs diberi keutamaan dalam projek pertanian. Pelaksanaannya mempunyai pelbagai tujuan termasuklah menyediakan peluang pekerjaan di setiap wilayah, meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, menyelesaikan masalah pengangguran, memudahkan pengkhususan pengeluaran tanaman seterusnya menuju ke arah negara pertanian (Desbarats, 1987). Melalui rancangan ini, penduduk di bandar dihantar ke kawasan pedalaman bagi menguasahkan tanah pertanian.

Dasar NEZs telah dilaksanakan di setiap daerah pentadbiran. Timbalan Menteri Pertanian, Le Duy Trinh dalam kenyataannya ketika ditemuramah (Desbarats, 1987) menyebut bahawa:

In order to encourage the people to leave...we have to give them utensils, tools and clothing. Cooperatives cadres themselves have to set and example by volunteering to go with people. The most important things is to prepare the ground well before bringing in the families. The place must have houses, schools and hospitals, and not just be a worksite.

Bagaimanapun, Desbarats dalam laporannya menyifatkan bahawa rancangan NEZs hampir gagal sepenuhnya. Antara sebab utama rancangan pertanian ini gagal kerana kebanyakan mereka yang dihantar ke kawasan pedalaman untuk menguasahkan pertanian telah kembali semula ke bandar. Mereka tidak dapat meneruskan hidup dengan menjalankan aktiviti pertanian (Desbarats, 1987). Kegagalan ini berlaku di Vietnam Selatan kerana mereka tidak mahu meninggalkan kawasan bandar untuk ke kawasan pedalaman. Lebih dahsyat lagi, lebih 900,000 ribu hektar hutan mengalami kemasuhan seperti hakisan dan tanah runtuhan akibat banjir. Pertanian tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana berlakunya masalah kemarau dan banjir di sesetengah kawasan (Desbarats, 1987).

Keadaan ini lebih menyukarkan lagi pembangunan ekonomi Vietnam. Kemusnahan sistem pengangkutan dan perhubungan menyebabkan usaha-usaha pemulihan semula ekonomi Vietnam bergerak perlahan. Bank telah ditutup tetapi wang telah dikeluarkan dan disorokkan. Wang tersebut digunakan oleh kerajaan untuk memuliharkan ekonomi Vietnam. Apabila bank dibuka semula, sekiranya rakyat ingin mengeluarkan wang, ia perlu meminta kebenaran daripada Jawatankuasa Revolusi Tempatan untuk mengeluarkan wang tersebut. Bagaimanapun, pengeluaran wang tersebut dibekukan (Hawthorne, 2007).

Sehubungan dengan itu, 36% belanjawan negara Vietnam masih bergantung dengan bantuan antarabangsa. Amerika Syarikat telah memberi bantuan kewangan sebanyak US\$ 700 juta setahun (Hawthorne, 2007). Pembangunan semula Vietnam tetap diteruskan dengan adanya bantuan-bantuan ekonomi yang diberikan oleh negara yang berpegang pada ideologi yang sama. Dalam hal ini, proses pemulihan ekonominya banyak bergantung kepada bantuan Soviet Union dan Republik Rakyat China. Satu persetujuan telah ditandatangani antara Soviet Union dan Vietnam pada tahun 1975, 1978, 1983 sehinggalah Vietnam menyertai Vietnam-USSR Declaration yang ditandatangani pada bulan Jun 1985 oleh Le Duan dan M.S Gorbachev di Moscow (Tri, 1986).

Pada 18 Disember 1975, Soviet Union telah menandatangani perjanjian ekonomi dan bantuan teknikal kepada Vietnam. Dalam hal ini, 40 projek pembinaan dirancang membangunkan ekonomi Vietnam termasuklah kemudahan awam, lampu dan industri makanan, kimia dan machine-building industries, pertanian serta komunikasi dan perhubungan dalam jangka masa 1976-1980 (Tri, 1986). Namun selepas berlakunya Perang Kemboja-Vietnam pada 1979, bantuan tersebut telah dihentikan. Tanpa bantuan luar, rakyat Vietnam tidak mampu untuk membangunkan kembali negaranya yang musnah teruk akibat perang.

Republik Rakyat China telah menghentikan bantuan ekonomi kepada Vietnam pada bulan Mei 1978 (Young, 1991). Vietnam kemudiannya telah menyertai Council for Mutual Economic Assistance (CMEA atau COMECON) pada bulan Jun 1978 (Hitchcox, 1990). Delegasi Vietnam yang diketuai oleh General Secretary Le Duan dan Premier Pham Van Dong telah melawat ke Moscow pada bulan November 1978 dan menandatangani Friendship and Cooperation Treaty pada 3 November yang sah sehingga 25 tahun, enam dokumen promosi ekonomi serta kerjasama dalam bidang sains dan teknologi (Tri, 1986). Perjanjian yang telah ditandatangani ini juga bermakna USSR akan terus memberi sokongan dan bantuan dalam bidang ketenteraan dan ekonomi kepada Vietnam (Tri, 1986; Phuong & Ta, 1978). Kerjasama ini menjadikan dua negara yang berideologi komunis ini semakin rapat.

Walaupun banyak bantuan diberikan tetapi kedudukan ekonomi Vietnam masih lagi bergerak perlahan. Tidak ada perubahan ketara dalam perkembangan ekonominya menyebabkan proses pembangunan negara dan peningkatan taraf hidup rakyat juga menjadi sangat perlahan. Nilai eksport dan import Vietnam dengan negara-negara lain juga menjadi tidak seimbang. Nilai import yang lebih tinggi berbanding eksport menyebabkan berlakunya defisit dalam perbelanjaan negara. Hal ini boleh dikesan dengan kerjasama ekonomi yang dijalankan antara Vietnam dan USSR. Didapati Vietnam mengalami defisit dalam perdagangan import dan eksport yang dijalankan dengan USSR. Berikut adalah jadual yang menunjukkan nilai perdagangan di antara Vietnam dan USSR dari tahun 1976 hingga tahun 1984 (Tri, 1986).

Jadual 1: Perdagangan United State Soviet Republic-Vietnam, 1976-1984 (Rubles bn)

Tahun	1976	1977	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984
Eksport Vietnam	0.07	0.13	0.15	0.15	0.16	0.17	0.21	0.23	0.26
Import Vietnam	0.23	0.27	0.30	0.45	0.45	0.72	0.80	0.90	1.00
Defisit Vietnam	0.16	0.14	0.15	0.30	0.29	0.55	0.59	0.67	0.74

Sumber: Foreign Trade of the USSR Yearbooks (Indochina Report, Oktober 1986)

Berdasarkan jadual di atas dapat dijelaskan bahawa dalam jangka masa 1976-1984, didapati import Vietnam melebihi eksport Vietnam ke USSR. Import Vietnam termasuklah baja, bahan keluli, simen, kertas dan sebagainya (Tri, 1986). Pada tahun 1976, defisit Vietnam sebanyak 0.16 juta rubles. Jumlah ini meningkat sebanyak 78% kepada 0.74 pada tahun 1984. Dalam jangka masa sembilan tahun, perdagangan yang dijalankan menunjukkan tidak menguntungkan pihak Vietnam. Ini disebabkan Vietnam lebih banyak bergantung kepada USSR dalam kerjasama perdagangan tersebut. Import Vietnam dari setahun ke setahun meningkat sehingga mencecah 1.00 juta rubles pada tahun 1984. Walaupun eksport Vietnam meningkat dari setahun ke setahun namun import Vietnam melebihi nilai eksportnya. Dengan ini, Vietnam mengalami defisit yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Perkembangan ekonomi Vietnam secara keseluruhan menunjukkan dalam keadaan yang kurang memberangsangkan. Vietnam yang berhadapan dengan pelbagai kemusnahan harta benda dan infrastruktur tidak mudah dipulihkan semula ekonominya dalam jangka masa pendek. Keadaan ekonomi Vietnam yang kurang memberangsangkan ini telah mempengaruhi rakyat untuk keluar dari Vietnam mencari kehidupan yang lebih baik. Oleh yang demikian, berlaku masalah pelarian yang serius pada tahun 1975.

5.3 Faktor Sosial

Berhubung faktor sosial didapati berjuta-juta manusia terpaksa meninggalkan rumah mereka atas sebab tempat yang mereka tinggal sekarang tidak sesuai lagi untuk diduduki. Antara puncanya adalah disebabkan oleh bencana alam sekitar hasil dari perebuatan manusia dan perperangan (UNHCR, 2005). Gangguan tempat tinggal secara mendadak seperti di Chernobyl atau Gunung Pinatubo atau tempat-tempat yang beransur-ansur menjadi padang pasir atau hutan.

Di Vietnam, pelbagai masalah sosial yang berlaku di Vietnam membawa kepada timbulnya isu pelarian. Masalah sosial yang wujud akibat perang juga telah menyukarkan pembangunan semula Vietnam. Peningkatan jumlah anak-anak yang terbiar kerana kematian ibu bapa, kadar golongan hilang upaya yang tinggi dan isteri yang kehilangan suami telah menimbulkan berbagai masalah sosial yang lain. Antaranya kadar kemiskinan yang tinggi, masalah kebuluran, keciciran pendidikan dan buta huruf, pengangguran dan pelacuran. Selain itu masalah rasuah yang berleluasa dalam kalangan pemimpin juga telah menambahkan lagi kesengsaraan rakyat Vietnam.

Berhubung masalah rasuah yang muncul dalam kalangan pemimpin, ia membawa kepada berlakunya masalah lain iaitu penyalahgunaan kuasa yang memberi kesan kepada masyarakat Vietnam. Di Vietnam, ia masih mementingkan stratifikasi sosial. Apabila berlakunya rasuah dalam kalangan birokrat, ia menyebabkan kesukaran membangunkan ekonomi kerana

mengutamanakan golongan masing-masing (Meng, 1975). Golongan birokrat ini mengaut keuntungan yang besar sehingga tidak dapat ditanggung khususnya kepada golongan yang paling rendah dalam stratifikasi sosial Vietnam. Mereka yang menjadi mangsa kepada perlakuan rasuah golongan birokrat ini adalah golongan bawahan seperti petani, nelayan dan rakyat kebanyakan. Mereka adalah golongan yang berpendapatan rendah dan sebahagiannya langsung tidak mempunyai pendapatan kerana tiada pekerjaan atau hilang upaya.

Terdapat tiga skandal besar berlaku di Vietnam yang menyebabkan rakyat Vietnam dalam kalangan golongan petani merasa tidak berpuas hati. Pertama, skandal gula yang melibatkan Ketua Pengarah Syarikat Gula Vietnam (Vietnam Sugar Company). Stok gula telah disorok dan dinaikkan harga gula sesuka hati melibatkan berbilion piastres. Kedua, adalah skandal beras di mana Vietnam mengalami kekurangan bekalan beras. Oleh itu, Kerajaan telah mempertanggungjawabkan kepada ejen-ejen yang dilantik untuk menguruskan import beras bagi memenuhi keperluan bekalan makanan rakyat (Meng, 1975). Bagaimanapun, didapati harga beras adalah mahal dan golongan bawahan yang miskin tidak mampu membeli beras tersebut. Dalam pada itu, bekalan beras juga tidak sampai ke semua kawasan terutamanya di kawasan pedalaman. Import beras didapati tidak mampu memenuhi keperluan seluruh Vietnam kerana berlaku kegiatan menyorok beras dan menjualnya di pasaran gelap. Keadaan ini menyebabkan golongan bawahan terutamanya mengalami kebuluran.

Skandal ketiga adalah berhubung dengan bekalan baja. Baja amat penting dalam membangunkan pertanian di Vietnam selari dengan dasar kerajaan yang ingin Vietnam sebagai sebuah negara pertanian. Kemajuan pertanian diutamakan bagi menyelesaikan masalah dalam negara Vietnam sendiri iaitu memastikan bekalan makanan Vietnam mencukupi. Situasinya sama dengan skandal gula dan beras di mana pengagihan baja tidak adil di setiap kawasan serta berlakunya kekurangan baja akibat aktiviti menyorok baja. Hal ini menyebabkan harga baja meningkat melampaui kemampuan para petani untuk membelinya. Berlakunya manipulasi dalam sistem pasaran telah membebankan para petani.

Keadaan ini memberi tekanan kepada kerajaan Vietnam untuk menyiasat sebab berlakunya masalah kekurangan baja. Keadaan bertambah buruk apabila Presiden Vietnam sendiri menghalang siasatan pihak berkuasa kerana adik iparnya sendiri terlibat dalam skandal tersebut (Meng, 1975). Ini menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat golongan bawahan. Bagi rakyat, keadaan ini membuktikan bahawa sebahagian anggota kerajaan tidak jujur di samping tidak serius dalam usaha menangani dan membanteras rasuah. Ia juga menunjukkan bahawa berlaku pilih kasih dan ketidakadilan dalam tindakan kerajaan menghukum mereka yang terlibat dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang negara.

Berkenaan dengan masalah pengangguran pula, mereka yang sebelum ini bekerja di bidang ketenteraan ketika perang, telah kehilangan pekerjaan setelah perang tamat. Jumlah penduduk Vietnam seramai 22 juta orang, didapati lapan juta daripadanya tiada pekerjaan, termasuklah dua juta penduduk bandar dan 1.5 juta daripadanya adalah penduduk Saigon. Seramai 200,000 orang digalakkan untuk pulang ke kampung masing-masing untuk mengusaha tanah masing-masing (Hawthorne, 2007). Kerajaan mengalami tekanan kerana kehilangan tenaga mahir dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi. Hal ini menyebabkan usaha untuk memulihkan semula ekonomi Vietnam bergerak perlahan. Dalam satu temuramah yang dilakukan oleh wartawan Barat, Nguyen Van Hiew dengan Minister of State in the Provisional Revolutionary Government (PRG) menyatakan bahawa '*unemployment was the country's biggest immediate problem*' (Desbarats, 1987).

Masalah pengangguran disifatkan sebagai satu masalah besar kerana membawa kepada krisis makanan. Ini kerana aktiviti ekonomi pertanian tidak dapat dijalankan dengan baik disebabkan pelbagai kekangan. Semasa perang berlaku, Vietnam Selatan dan Vietnam Utara menerima bantuan sebanyak 1 juta tan beras setiap tahun daripada para penyokongnya dan selebihnya diusahakan sendiri. Namun, keadaan telah berubah setelah tamatnya perang. Bekalan beras berkurangan sebanyak 6 juta tan. Perkembangan di Vietnam pada tahun 1975 menunjukkan berhadapan dengan masalah kekurangan makanan ditambah pula peningkatan jumlah penduduknya (Desbarats, 1987).

Kemusnahan ekonomi dan sosial masyarakat digambarkan oleh Young (1991) bahawa:

Vietnam need for aid was extreme: in the South, 9,000 out of 15,000 hamlets, 25 milion acres of farmland, 12 milion acres of forest were destroyed, and 1.5 million farm animals had been killed; there were an estimated 200,000 prostitutes, 879,000 orphans, 181,000 disabled people, and 1 million widow; all six of the industrial cities in the North had been badly damaged, as were provincial and district towns, and 4,000 out of 5,800 agricultural communes. North dan south the land was cratered and planted with tons of unexploded ordinance, so that long after the war farmers and their families suffered serious injuries as they attempted to bring the fields back into cultivation.

Keadaan di Vietnam juga menunjukkan berlakunya peningkatan jumlah penduduk yang mendadak. Hal ini menimbulkan masalah kepada pemerintah Vietnam untuk memenuhi keperluan bekalan makanan kepada rakyatnya. Kekurangan makanan, terutama beras yang menjadi makanan asasi rakyat Vietnam semakin meruncing. Sawah padi dan ladang ternakan yang dahulunya menjadi sumber utama makanan dan pendapatan rakyat, kini tidak lagi dapat diusahakan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, Vietnam terpaksa mengimport beras dari negara luar. Namun ia masih belum mampu menampung keperluan rakyatnya yang ramai itu.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, sama ada faktor politik dan ekonomi serta sosial, ia saling berkait antara satu sama lain. Situasi selepas perang telah menyebabkan ekonomi, politik dan sosial Vietnam runtuh dan sulit untuk dipulihkan semula. Penderitaan rakyat semasa perang masih berterusan hingga ke zaman pemerintahan rejim komunis selepas perang. Keadaan yang terpaksa dialami oleh rakyat Vietnam telah menyebabkan mereka mencari tempat yang lebih baik dan menjamin masa depan daripada terus dibelenggu penderitaan. Mereka mulai mencari jalan keluar untuk meneruskan kehidupan walaupun terpaksa berhijrah ke negara lain. Faktor-faktor ini membawa kepada timbulnya isu pelarian Vietnam ke negara-negara Asia Tenggara dan seterusnya dipindahkan ke negara ketiga.

6.0 PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP VIETNAM SELEPAS PERANG

Selepas penarikan tentera Amerika daripada bumi Vietnam, Vietnam Selatan tidak mampu lagi bertahan dengan serangan Vietnam Utara. Malaysia menyambut baik penarikan keluar tentera Amerika daripada Vietnam kerana tindakan ini selari dengan Dasar Berkecuali yang diperjuangkannya. Malaysia melihat langkah ini perlu bagi memberi peluang kepada rakyat negara tersebut menentukan sendiri bantuk pemerintahan yang mereka inginkan tanpa ada campur tangan dari luar. Kejatuhan Saigon ketangan Vietnam Utara pada tahun 1975 menjadi titik mula penguasaan komunis sepenuhnya terhadap Vietnam Selatan. Malaysia yang pada

awalnya mengadakan hubungan baik dengan Vietnam Selatan meneruskan hubungan tersebut dengan negara baru iaitu negara Republik Vietnam yang telah disatukan.

Walaubagaimanapun, timbul kebimbangan di kalangan pemimpin Malaysia tentang jaminan keselamatan dan keamanan selepas pengunduran tentera Amerika Syarikat. Keraguan ini telah disuarakan oleh Timbalan Menteri Luar Malaysia pada masa itu iaitu Abdul Taib Mahmud yang menyatakan bahawa pengunduran Amerika Syarikat bukanlah satu jaminan keamanan wujud di Vietnam (Dewan Rakyat, 1971). Situasi ini wujud kerana Malaysia merasakan terdapat kemungkinan bahawa kekosongan akibat daripada ketiadaan Amerika Syarikat di Vietnam akan diisi oleh kuasa besar yang lain iaitu China. Sehingga tahun 1975, China merupakan musuh utama Malaysia kerana komunis yang mengancam keselamatan negara sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan komunis di China.

Namun menjelang pasca perang, Malaysia telah mengambil langkah awal iaitu mengadakan hubungan baik dengan negara-negara komunis seperti Vietnam Utara dan China. Bertepatan pula dengan perubahan dasar luar Malaysia daripada pro barat dan anti komunis kepada dasar berkecuali. Perubahan dasar luar Malaysia yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak ini membuka ruang Malaysia mengadakan hubungan baik dengan semua negara termasuklah negara-negara komunis. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui kenyataan yang dibuat oleh Tun Abdul Razak di dalam Dewan Rakyat (1971);

Malaysia mengamalkan dasar berbaik-baik dan mengadakan hubungan dengan negara-negara yang benar-benar hendak berbaik-baik dengan kita. Soal hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara hendaklah dipertimbangkan dalam konteks ini.

Ini merupakan satu kaedah penyesuaian dengan tuntutan politik antarabangsa semasa. Kemudiannya memperlihatkan pada tahun 1973, Malaysia telah mengadakan hubungan diplomatik dengan beberapa buah negara komunis seperti Vietnam Utara dan Korea Utara. Hubungan diplomatik antara Kuala Lumpur dan Hanoi telah ditandatangani pada 31 Mac 1973 dalam bentuk hubungan diperingkat kedutaan. Hubungan ini selaras dengan konsep berkecuali yang dipegang oleh Malaysia. Pada 28 Mei hingga 2 Jun 1974 Tun Abdul Razak telah mengadakan lawatan ke China atas undangan Perdana Menteri China iaitu Chou En Lai. Pada 31 Mei 1974 hubungan diplomatik China dan Malaysia telah ditandatangani.

Pada 30 Jun 1975, selepas penubuhan Republik Vietnam, Malaysia telah menerima kunjungan Le Quan Gian, Menteri Luar negara tersebut. Pada tahun 1976, Malaysia menerima pula kunjungan Timbalan Menteri Luar Vietnam ke Kuala Lumpur (Dewan Rakyat, 1976). Satu lembaran baru hubungan Malaysia dan negara baru Republik Vietnam telah terbina. Bagi Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain menganggap dasar politik dalam negara Vietnam dan negara-negara di Indochina merupakan hak mutlak negara tersebut. Malaysia ingin menjalinkan hubungan dengan negara di Indochina berdasarkan kepentingan bersama disamping untuk menegakkan keamanan dan ketenteraman atas prinsip menghormati kedaulatan wilayah masing-masing.

Pada 24 Oktober 1975, Malaysia telah melahirkan rasa kesal dengan penolakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap keanggotaan Vietnam dalam badan dunia itu. Malaysia menyatakan bahawa tindakan ini tidak menguntungkan mana-mana pihak malah tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang sedang wujud di Asia Tenggara dan di Vietnam sendiri. Penyingkiran Vietnam daripada masyarakat antarabangsa hanya akan memberi ruang kepada kuasa komunis dunia seperti Rusia mendekati dan mempengaruhi negara tersebut.

Malaysia juga telah memberi bantuan kepakaran dalam bidang ekonomi dan sosial Vietnam yang mengalami kemusnahan teruk akibat perang. Walaupun masih wujud keimbangan dikalangan masyarakat tentang komunis di Malaysia mempunyai hubungan dengan negara-negara seperti Vietnam dan China, namun kerajaan Malaysia mengambil sikap positif dengan tidak membuat tuduhan melulu ke atas negara-negara tersebut (Dewan Negara, 1978). Tindakan Malaysia memberi sokongan kepada Vietnam di peringkat antarabangsa menjadi bukti jelas bahawa Malaysia mengutamakan keazaman bersama untuk menjadikan Asia Tenggara sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali.

7.0 KESIMPULAN

Isu pelarian Vietnam berlaku disebabkan oleh faktor dalam negara itu sendiri yang mempengaruhi rakyat untuk lari ke negara jirannya di rantau ini. Faktor politik, ekonomi dan sosial saling berkait antara satu sama lain yang mencetuskan ketidakstabilan dan keamanan di negara itu. Sehubungan itu, isu pelarian adalah isu yang serius kerana ia menyumbang kepada masalah kedaulatan dan keselamatan bagi negara yang didatangi pelarian. Isu pelarian Vietnam menjadi satu isu penting bagi Malaysia kerana pelarian Vietnam telah mendarat di perairan Malaysia. Bagi menangani masalah tersebut, Malaysia sebagai sebuah negara yang berpegang kepada prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi kerjasama dalam menyelesaikan isu tersebut. Langkah yang diambil Malaysia dengan memusatkan pelarian Vietnam di Pulau Bidong dan kem penempatan lain merupakan peranan penting dan sumbangan besar Malaysia kepada dunia dalam menangani isu pelarian Vietnam. Peranan dan sumbangan Malaysia harus diketahui dan dihargai oleh semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung.

RUJUKAN

- Buku Laporan. (1991). *Majlis penyerahan balik Pulau Bidong*. Terengganu: Muzium Negeri Terengganu.
- Davies, S.E. (2008). *Legitimising rejection: International Refugee Law in Southeast Asia*. Leiden: Martinus Nijhoff Publishers.
- Desbarats, J. (1987). *Population Relocation Programs in Socialist Vietnam: Economic Rationale or Class Struggle?* Singapore: Executive Publications.
- Dewan Negara. (1978). Penyata rasmi dewan negara Malaysia. Parlimen ke-5. Penggal ke-1. Jil. 1. Bil. 5. 27 Oktober.
- Dewan Rakyat. (1971). Penyata rasmi dewan rakyat Malaysia. Parlimen ke-3. Penggal ke-2.
- Dewan Rakyat. (1976). Penyata rasmi dewan rakyat Malaysia. Parlimen ke-4. Penggal ke-2. Jil.2. Bil. 37. 26 Oktober.
- FOIA. (1977). *Vietnamese Communist Party Leadership Assertion to Visiting Finnish Communist Party Chairman that no Information Exists on Americans Still Missing in Action: Political and Economic Position of Vietnam*. CIA 3636-075-2, Intelligence Information Cable: Central Intelligence Agency.
- Gordenker, L. (1987). *Refugees in international politics*. London: Croom Helm Ltd.

- Hawthorne, L. (2007). *Refugee: The Vietnam experience*. Melbourne: Oxford University Press.
- Hitchcox, L. (1990). *Vietnamese refugees in Southeast Asian camps*. Oxford: MacMillan Academic and Professional Ltd.
- Hornby, A.S. (2000). *Oxford compact advanced learner's dictionary*. Oxford: Oxford University Press.
- Khanh, H.K. (1977). *Year one of postcolonial Vietnam: Southeast Asian affair*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Meng, N.S. (1976). *Vietnam: A year of peace. Southeast Asian Affair*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Meng, N.S. (1975). *Vietnam in perspective. Southeast Asian Affair*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohd Arif, M. (2010, July 12). Pelarian: Isu sejagat dan kemanusiaan. *Bernama.com*. Retrieved from http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=512815
- Owen, N.G. (2005). *The emergence of modern Southeast Asia*. Singapore: Singapore University Press.
- Phuong, T.H. & Ta, G. (1978). *The post economic planning and development of Vietnam. Southeast Asian Affairs*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Tri, V.N. (1986). Soviet-Vietnamese economic cooperation since 1975. *Indochina Report*, 10(8), 38-71.
- Tsamenyi, M. (1980). *The Vietnamese boat people and International Law*. Australia: Griffith University.
- United Nations High Commissioner for Refugees, UNHCR. (2005). *Refugee Status Determination: Identifying Who is a Refugee*. Department of International Protection: Office of the United Nations High Commissioner for Refugees.
- United Nations High Commissioner for Refugees, UNHCR. (2011). *Statistical overview of asylum applications lodged in Europe and selected non-European countries*. Geneva: Asylum Levels and Trends in Industrialized Countries 2010.
- UNHCR in Malaysia. (2011). Laporan statistik pelarian di Malaysia. Retrieved from <http://www.unhcr.org.my/cms/basic-facts/statistics>
- Young, M.B. (1991). *The Vietnam wars: 1945-1990*. New York: Harper Perennial.